

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 15

### Banci Ekonomi 2023 libatkan 1.2 juta pertubuhan

Bakal dilaksanakan bermula April hingga September, merangkumi semua sektor ekonomi

NUR IFTITAH ROZLAN  
KUALA LUMPUR

**D**ianggarkan sebanyak 1.2 juta pertubuhan perniagaan dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan di Malaysia akan diliputi dalam Banci Ekonomi 2023. Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, banci yang akan dilaksanakan bermula April hingga September itu melibatkan semua sektor ekonomi termasuk pertanian, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta perkhidmatan.

Menurutnya, berdasarkan maklumat awal, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganggarkan pertubuhan mikro adalah sebanyak 75.2 peratus, kecil (20.5 peratus), sederhana (1.6 peratus) dan besar (2.7 peratus).

"Menerusi banci ini, punca pertumbuhan baharu ekonomi dapat dikenal pasti dan DOSM berupaya menjana statistik ekonomi baharu yang signifikan untuk dipantau.

"Ini akan memberi data yang pen-

# Banci Ekonomi 2023 libatkan 1.2 juta pertubuhan

ting kepada kerajaan untuk digunakan dalam perangkaan dan juga perancangan dasar-dasar yang lairi.

"Ada beberapa perkara baharu yang akan mula dibenci buat pertama kali melibatkan sektor-sektor baharu termasuk industri kenderaan elektrik, e-sukan, dron dan juga perangkaan sosioekonomi baharu seperti pemilikan oleh belia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Banci Ekonomi 2023 di sini pada Selasa.

Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, selepas Banci Ekonomi 2023, DOSM akan melaksanakan banci dalam sektor pertanian bermula pada tahun depan.

Ujarnya, ia bertepatan dengan dasar dan fokus kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai sektor dinamik yang mempunyai kepentingan strategik dalam ekonomi serta negara.

"Pada masa sama, (ia dapat) menawarkan kerja dengan gaji berpatutan, selain memperhatikan kepada golongan muda



Rafizi (dua dari kanan) ketika melancarkan Banci Ekonomi 2023 di Kuala Lumpur pada Selasa.

bahawa sektor pertanian sebagai bidang yang boleh menawarkan kerja yang baik," katanya.

Ujarnya, Banci Ekonomi 2023 penting untuk membolehkan kerajaan menyusun langkah-langkah ke arah membina skala dan meningkatkan daya tahan perusahaan tempatan bagi melahirkan lebih banyak syarikat bersaiz lebih besar.

Sementara itu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata,

Banci Ekonomi 2023 adalah banci pertama yang meliputi semua aktiviti ekonomi pada tahun rujukan yang sama (tahun rujukan 2022).

"Berbeza dengan banci ekonomi sebelum ini, subsektor perdagangan borong dan runcit pertama kali diliputi dalam Banci Ekonomi 2023. Sebelum ini Banci Ekonomi dan Banci Perdagangan Borong dan Runcit dijalankan secara berasingan," jelasnya.